

08/02/2000

Umno: Bersatu teguh, bercerai roboh

Ahmad Mahir

UMNO sudah wujud lebih daripada 50 tahun dengan mempertahankan kemerdekaan Malaysia dan juga maruah bangsa Melayu. Umno mempamerkan keupayaannya untuk mentadbir kerajaan secara teratur dan saksama dengan menghasilkan suasana yang penuh harmoni serta disegani oleh negara lain di dunia.

Tetapi dengan berakhirnya pilihan raya umum baru-baru ini, kini tibalah masa untuk ahli Umno menerima kenyataan sebenar mengenai keadaan politik semasa. Ahli Umno harus sedar bahawa masih terdapat pelbagai cabaran dan rintangan dalam usahanya untuk mengekalkan kestabilan ekonomi dan keamanan negara. Perhimpunan Agung Umno menjelang tiba dan sekali lagi Umno terpaksa berdepan dengan senario baru politik ini yang serba mencabar.

Di samping itu, kenyataan Presiden Umno Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa ini adalah penggalnya yang terakhir sebagai Perdana Menteri adalah satu kejutan bagi rakyat Malaysia yang selama ini berasa selamat dan selesa di bawah pentadbirannya. Rakyat merasakan begitu kerana beliau sememangnya seorang yang jujur memperjuangkan kepentingan negara. Sesungguhnya tidak akan ada seorang lagi seperti Dr Mahathir Mohamad. Pengorbanan beliau dan komitmen beliau untuk Umno dan negara tiada tandingan dan tidak akan dilupakan.

Berbanding pertubuhan politik lain, Umno amat bertuah kerana terus diterajui pemimpin yang berkebolehan dan kita haruslah bersyukur dengan peralihan kepemimpinan Umno yang dijalankan secara tertib dan teratur tanpa perpecahan. Walaupun Dr Mahathir memutuskan menjadikan penggal ini sebagai yang terakhir baginya, beliau sedang membuat persiapan rapi untuk memilih penggantinya seperti yang kini diramalkan iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Berdasarkan tahap pencapaian politik Datuk Seri Abdullah, beliau sememangnya adalah calon yang amat sesuai untuk menerajui kepemimpinan Umno dan meneruskan kecemerlangan yang dicapai oleh Datuk Seri Dr Mahathir.

Dengan perkembangan ini, perjuangan Umno masih belum berakhir. Banyak yang perlu dilakukan terutama dalam mengembalikan keyakinan golongan yang terpedaya oleh pihak yang tidak menyenangi kestabilan dan keharmonian Umno. Ahli Umno perlu mengkaji peranan mereka dengan mengambil kira keadaan politik semasa untuk mengukuhkan kedudukan Umno serta memastikannya sebagai satu parti tunggal yang dapat membawa perubahan yang nyata demi negara dan bangsa.

Sememangnya, adalah tanggungjawab kita kepada generasi masa depan untuk menjamin keselamatan dan kejayaan mereka. Sudah semestinya kita tidak akan membiarkan anak-anak kita melihat ke belakang dengan penuh kekesalan disebabkan kita tidak dapat bersatu di bawah Umno.

Adalah malang bagi saudara kita yang beralih arah dengan anggapan perlunya perubahan dan reformasi untuk orang Melayu yang kononnya diabaikan hak mereka dalam tanah air sendiri. Sebelum ia terlambat, golongan ini harus menyedari kesilapan mereka dan menjauhkan diri daripada terus dipergunakan dan dihasut oleh pihak lain yang tidak bertanggungjawab.

Dalam hal ini, pengalaman kita yang lepas dalam menangani masalah kemerosotan ekonomi patut dijadikan pengajaran. Ia dengan jelasnya menggambarkan kepada kita betapa hampirnya kita kehilangan maruah dan kebanggaan kita selama ini.

Malaysia mahupun Umno tidak pernah lekang daripada pelbagai tuduhan dan

kenyataan yang menyatakan bahawa demokrasi tidak pernah wujud kerana kononnya tidak pernah ada peralihan pemimpin yang jelas. Sistem dan konsep demokrasi Malaysia sering dipermainkan dan dijadikan kayu ukur betapa mundurnya kita berbanding pengkritik kita. Amatlah sedih kepemimpinan Umno dan perpaduannya yang berjaya mengekalkan keamanan tidak pernah diiktiraf oleh media asing hanya kerana Malaysia memilih caranya tersendiri dalam menangani setiap permasalahannya.

Menjelangnya Perhimpunan Agung Umno, seperkara yang patut direnungi bersama ialah soal demokrasi dan kuasa demokrasi itu sendiri. Demokrasi sebenarnya tidak boleh dipandang ringan kerana melalui helah demokrasi seseorang itu juga boleh melakukan apa saja demi mencapai tujuannya.

Oleh itu, perlu diingat, demokrasi yang tidak terkawal boleh mensia-siakan hak kita sebagai ahli. Hak untuk mengekalkan kepemimpinan adalah tidak bercanggah dengan demokrasi, sebaliknya ia menjadi sebahagian daripada demokrasi jika kelangsungan kepemimpinan itu adalah apa yang dimahukan oleh majoriti.

Ini tidak pula bermakna demokrasi tiada nilainya kepada kita tetapi cara mempraktikkannya mesti diberi perhatian agar ia digunakan sebijaknya dan bukan untuk disalahgunakan oleh sesetengah pihak yang boleh diibaratkan seperti `musang berbulu ayam`.

Oleh itu, kini tibalah masa untuk kita dengan ikhlasnya berkorban serta mengetepikan perbezaan yang ada. Semangat berkem dan berkumpul hanya akan memusnahkan Umno. Umno bukanlah alat untuk seseorang individu mencapai tujuan politik dan ekonominya.

Seperti kata pepatah `bersatu kita teguh, bercerai kita roboh`, masa depan Umno perlu dipertahankan melalui perpaduan bangsa kita. Janganlah mensia-siakan perjuangan pemimpin yang berusaha keras untuk kejayaan dan kegemilangan Umno.

Kejayaan kita pada masa lampau tidak bermakna kemenangan dan maruah kita akan terpelihara selamanya. Cabaran dan ancaman luar sentiasa ada di mana-mana dan setiap masa. Adalah perlu bagi Umno untuk sentiasa berwaspada dan terus bersatu serta peka dengan niat musuh.

(END)